

Malaysian Re (Dubai) Ltd.

profil korporat

Keperluan untuk pengembangan dan pertumbuhan portfolio perniagaan luar negara telah mendorong Kumpulan untuk mengembangkan sayapnya ke pasaran Timur Tengah, seterusnya menubuhkan Malaysian Re (Dubai) Ltd.

Ia merupakan sebuah anak syarikat milik penuh Malaysian Reinsurance Berhad, dan telah diperbadankan pada 7 Disember 2006 serta dilesenkan di bawah undang-undang Pusat Kewangan Antarabangsa Dubai (DIFC), dan dikawal atur oleh Autoriti Perkhidmatan Kewangan Dubai.

Fungsi utamanya adalah untuk meningkatkan dan meluaskan perhubungan dengan pelanggan yang sedia ada dan berpotensi luas khususnya di pasaran Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA). Ia juga akan membantu untuk membangunkan penjenamaan Malaysian Re sebagai sebuah syarikat insurans semula antarabangsa yang diiktiraf dan bereputasi baik.

Pada 18 Mac 2008, Malaysian Re (Dubai) Ltd. telah dilancarkan secara rasmi di DIFC. Ini pasti akan membantu mendorong misi Kumpulan dalam meluaskan pelaburannya di peringkat antarabangsa dan meraih peluang yang terbuka di rantau MENA.

maklumat korporat

Lembaga Pengarah

Sharkawi Alis

Pengerusi

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Anuar Mohd Hassan

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Setiausaha Syarikat

Norazman Hashim (MIA 5817)

Juruaudit

Moore Stephens
Akauntan Bertauliah
Suite M5-A, Zalfa Building
Al Garhoud Area
P. O. Box 28817
Dubai, United Arab Emirates
Tel : +971 4 2820811

Bank

Standard Chartered Bank
Precinct Building 1
DIFC Branch
Dubai, United Arab Emirates
Tel : +971 4 5083043
Faks : +971 4 4282502

Pejabat Berdaftar

Suite 1, Level 1
Gate Village 4, The Gate District
Dubai International Financial Centre
P. O. Box 506571
Dubai, United Arab Emirates
Tel : +971 4 3230388
Faks : +971 4 3230288
Laman web : www.malaysian-re.com.my

Kumpulan Pengurusan

Pegawai Eksekutif Kanan : **Mohd Sahimy Man**

Naib Presiden

Pengunderait Kanan : **Avinash Anant Bagul**, B. Sc. Chemistry and AllI (India)



MOHD SAHIMY MAN

Mohd Sahimy Man adalah Pegawai Eksekutif Kanan Malaysian Re (Dubai) Ltd. Beliau mempunyai 26 tahun pengalaman dalam industri insurans am dan insurans semula dan telah memegang pelbagai jawatan kanan di beberapa syarikat insurans dan insurans semula tempatan dan antarabangsa. Sebelum berkhidmat dengan Kumpulan MNRB pada Oktober 2006, beliau merupakan Pengurus Kanan/Pegawai Eksekutif Kanan Gantian bagi Swiss Reinsurance Company, Cawangan Kuala Lumpur dan Pengurus Besar MNI Offshore Insurance (L) Limited.

profil para pengarah



Sharkawi Alis

Pengerusi

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif



Anuar Mohd Hassan

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

SHARKAWI ALIS

Sharkawi Alis, berusia 61 tahun. Warganegara Malaysia. Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif sejak 17 Disember 2007.

Maklumat lain mengenai profil Sharkawi Alis dinyatakan dalam Profil Pengarah MNRB Holdings Berhad di muka surat 14 Laporan Tahunan ini.

ANUAR MOHD HASSAN

Anuar Mohd Hassan, berusia 55. Warganegara Malaysia. Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif sejak 7 Disember 2006.

Maklumat lain mengenai profil Anuar Mohd Hassan dinyatakan dalam Profil Pengarah MNRB Holdings Berhad di muka surat 14 Laporan Tahunan ini.